

NAFSU AMARAH DALAM SEINDAH MAWAR BERDURI

Noor Farhah binti Rosly¹
Universiti Malaya

ABSTRAK

Kajian ini mengenalpasti tentera-tentera nafsu amarah yang terdapat dalam novel Seindah Mawar Berduri karya Fatimah Syarha. Pengkajian cuba membuktikan bahawa tentera-tentera nafsu amarah yang dikatakan ulama terdapat dalam masyarakat Melayu. Para ulama telah menyenaraikan beberapa tentera nafsu amarah, iaitu berniat jahat, marah, tamak, hasad dengki, dendam, terlalu cintakan dunia, lalai terhadap Allah S.W.T., sukakan kemegahan, panjang angan-angan, khianat, benci dan sombong. Walau bagaimanapun, pegkaji hanya mengambil empat daripadanya sebagai mengukuhkan kajian tanpa menjejaskan tentera-tentera nafsu yang lain.

Kata kunci: *Seindah Mawar Berduri, nafsu amarah, berniat jahat, marah, hasad dengki, dendam.*

PENGENALAN

Akhlag sering kali menjadi cerminan hati manusia. Setiap perilaku dan tindakan manusia didasari oleh hatinya. Baik hati seseorang maka akan terpancar melalui akhlaknya seperti hadis Rasulullah S.A.W.,

“... sesungguhnya di dalam diri setiap insan itu terdapat seketul daging, apabila ia baik, maka akan baiklah keseluruhan tubuh badan dan segala anggotanya dan apabila ia jahat, maka jahatlah keseluruhan tubuh badan dan segala anggotanya. Ketahuilah itu yang dinamakan hati.”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Hati yang baik dan bersih sentiasa meletakkan Allah S.W.T. sebagai yang utama. Walau bagaimanapun, hati boleh berubah menjadi jahat apabila menuruti nafsu. Kehendak nafsu yang melampau menyebabkan manusia tenggelam dengan nikmat dunia hingga menjadi penghalang untuk berbuat kebaikan dan nafsu juga akan memastikan perlakuan hati tidak sampai kepada Allah S.W. T. Oleh yang demikian, istilah nafsu sering kali di pandang jelik dan negatif pada kaca mana manusia kerana menjerumuskan manusia ke kancah keburukan. Malah, nafsu turut menjadi pintu dan jalan masuk bagi syaitan yang mencari peluang menghasut manusia melakukan kemaksiatan. Manusia yang menuruti hawa nafsu cenderung memiliki iman yang ringan hingga nafsu dapat menarik mereka menuju jalan yang tidak diredai-Nya.

Nafsu wujud dalam setiap diri manusia dan terpaksa bertarung dengan nafsu pada setiap masa hingga ke akhir hayat kerana jihad dalam melawan nafsu bukanlah perkara yang mudah. Oleh

¹ Akademi Pengajian Melayu, *Universiti Malaya*

sebab itu, para ulama telah menyenaraikan tujuh tingkatan nafsu yang membezakan martabat manusia dalam mencapai keredaan Allah S.W.T., iaitu nafsu amarah, nafsu lawwamah, nafsu mulhamah, nafsu muthmainnah, nafsu radhiah, nafsu mardhiah dan juga nafsu kamilah.

Seindah Mawar Berduri (SMB) karya penceramah wanita terkenal Fatimah Syarha telah memaparkan pergolakan jiwa remaja yang tidak terlepas daripada rasa cinta terhadap gender bertentangan. Khazinatul Azrar sebagai watak utama merupakan seorang gadis yang sentiasa berpegang teguh dengan ajaran agama sering dihimpit oleh cinta para jejaka yang cuba menawan hatinya. Mereka berdepan dengan pelbagai dorongan nafsu yang memerlukan keimanan yang kuat untuk bertahan namun tersungkur akibat iman yang lemah.

NAFSU

Imam al-Ghazali telah memberikan dua pengertian nafsu. Nafsu pada pengertian pertama adalah menghimpunkan kekuatan marah dan nafsu syahwat yang ada pada manusia atau difahamkan juga sebagai pokok yang menghimpunkan sifat-sifat tercela manusia. Manakala pengertian yang kedua adalah sifat yang halus (lathifah) iaitu, diri manusia itu sendiri berserta zatnya. Apabila manusia berada dalam keadaan tenang dan jauh daripada kegoncangan nafsu serta bersifat dengan sifat yang baik, maka dinamakan sebagai nafsu muthmainnah kerana zat dan hakikatnya yang mengetahui Allah S.W.T. Nafsu muthmainnah berbeza dengan pengertian yang pertama kerana nafsu yang tunduk serta patuh akan nafsu dan menuruti syaitan digelar sebagai nafsu amarah. Nafsu amarah suka menyuruh manusia melakukan perbuatan buruk sama ada menyedari perbuatan tersebut jahat atau sebaliknya. Namun, nafsu yang menjadi pendorong kepada nafsu syahwat apabila ketenangan tidak sempurna dipanggil sebagai nafsu lawwamah. Manusia yang memiliki nafsu lawwamah sentiasa mencela atau mengkritik diri sendiri apabila melakukan sesuatu kejahatan.

Para ulama telah menyenaraikan nafsu kepada tujuh tingkatan dari yang rendah hinggalah ke peringkat yang tinggi, iaitu nafsu amarah, nafsu lawwamah, nafsu mulhamah, nafsu muthmainnah, nafsu radhiah, nafsu mardhiah dan juga nafsu kamilah.

NAFSU AMARAH

Hati yang tidak pernah runsing saat melakukan kemungkar disifatkan sebagai hati yang memiliki nafsu amarah sebagai raja dalam diri. Nafsu amarah merupakan tingkatan nafsu yang paling rendah dan jahat kerana sentiasa menguasai diri manusia untuk melakukan kejahatan, maksiat serta seronok dalam melakukannya. Manusia yang berada dalam kekangan nafsu amarah seringkali menjadi terlalu gembira saat nikmat bertandang dalam hidup namun mudah berputus asa apabila ditimpa ujian berupa bala dan kesusahan.

Manusia yang memiliki nafsu amarah dalam diri mudah terdedah dengan godaan nafsu dan syaitan laknatullah serta mendesak untuk terus menerus berbuat kejahatan sama ada perbuatan tersebut difahami mahupun tidak. Malah, mereka tidak kesal apabila melakukan kesalahan serta ada kalanya merasa suka cita dengan kelakuan dan tindak tanduk sendiri.

“Dan tidaklah aku membebaskan diriku (dari kesalahan), kerana sesungguhnya nafsu itu suka menyuruh kepada yang buruk”.

(Surah Yusuf : 53)

Firman Allah S.W.T. dalam surah Yusuf telah menceritakan kisah yang popular, iaitu perihal Nabi Yusuf dan juga isteri seorang pembesar di Mesir. Kisah tersebut begitu besar impaknya

hingga terakam dalam al-Quran. Nafsu amarah yang menguasai Zulaikha, isteri pembesar Mesir tersebut telah menyebabkan Zulaikha bertindak berani dengan menggoda Nabi Yusuf. Nabi Yusuf yang tidak membuaikan nafsu dalam dirinya dapat menolak godaan Zulaikha. Demikianlah sifat nafsu amarah yang terdapat dalam diri Zulaikha kerana tunduk dan patuh dengan kehendak nafsu syahwat dan juga syaitan.

Sebelum menghurai lanjut mengenai nafsu yang terdapat dalam novel *SMB* karya Fatimah Syarha, penjelasan tentang tentera-tentera nafsu amarah adalah wajar diberi perhatian terlebih dahulu. Tentera-tentera yang bermaharajalela dalam nafsu amarah adalah sifat kedekut, tamak, hasad dengki, takabur, bodoh, dendam, panjang angan-angan, khianat, berniat jahat, lalai terhadap Allah S.W.T., sukakan kemegahan dan juga syahwat². Kajian hanya tertumpu kepada lima tentera nafsu amarah dalam *SMB* sahaja, iaitu sifat manusia yang berniat jahat, marah, dendam dan juga hasad dengki. Walau bagaimanapun, pengkajian tidak menafikan tentera-tentera nafsu yang lain.

Niat Jahat

Diriwayatkan daripada Amirul Mukminin Abu Hafsh Umar bin Khattab r.a., dia berkata: “Aku pernah mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda:

“Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat dan setiap orang hanya memperolehi apa yang dia niatkan. Barang siapa yang hijrahnya itu kepada Allah dan RasulNya. Dan barangsiapa yang hijrahnya kerana dunia yang dia akan perolehinya atau kerana perempuan yang ingin dinikahinya, maka hijrahnya itu kepada apa yang dia hijrahkan kepadanya.”

(Mohd. Aiman Az Zuhairi 2013: 1)

Hadis tersebut menjadi prinsip utama yang dipegang dalam agama Islam kerana setiap perbuatan yang disyariatkan Islam memerlukan lafaz niat. Niat telah menjadi dasar pada setiap perbuatan, perlakuan dan juga perkataan umat Islam. Setiap perbuatan akan dinilai baik selagi mempunyai niat yang baik manakala niat yang buruk pula akan dinilai sebaliknya.

Berbalik kepada kajian, tentera nafsu amarah yang pertama dikaji adalah niat jahat. Niat jahat didefinisikan sebagai melakukan sesuatu yang jahat. Hanya manusia yang memiliki nafsu amarah sahaja sanggup berniat jahat terhadap orang lain kerana hatinya tidak terdidik untuk bersangka baik dan memaafkan Mereka tidak reda dengan ketentuan Allah S.W.T.. Nafsu amarah telah mendorong manusia melakukan sesuatu perbuatan yang jahat menurut kehendaknya.

Watak Tsabit dalam *SMB* telah menonjolkan tentera nafsu amarah yang kuat dengan mempamerkan sifat suka berniat jahat dalam dirinya. Tsabit yang terlalu mencintai watak utama, Khazinatul Asrar (KA) sanggup melakukan apa sahaja demi memenangi hati KA. Tsabit telah berniat jahat dan merencanakan pelbagai rancangan jahat dengan menghasut dan memperguna

² Tentera-tentera nafsu diperolehi daripada buku Tingkatan-tingkatan Nafsu Kemuliaan Martabat Insan oleh Ustaz Jaafar Salleh dan Kenali 7 Peringkat Nafsu oleh M. Ali Imran al-Aziz.

rakan sebilik KA, Hijrah agar beroleh kejayaan seperti mana yang telah dirancang. Hijrah seorang yang manja dan berlatarbelakang keluarga berada pula rela menurut segala kehendak Tsabit kerana telah jatuh cinta dan terlalu menyayangi Tsabit. Malah, Hijrah tidak mengetahui niat tersembunyi Tsabit yang menjadikannya sebagai alat untuk memikat KA.

Kurangnya pegangan agama dalam diri Tsabit telah mencampakkan dirinya jauh dari nilai-nilai Islam. Tsabit mendambakan KA, seorang gadis yang beriman dan berpegang teguh dengan ajaranNya dan berasa diri tercabar apabila KA langsung tidak mengendahnya . Jiwa Tsabit memberontak untuk terus mendapatkan KA tanpa mempedulikan impak perlakuan serta setiap niat jahatnya itu. Tsabit memperalatkan Hijrah semata-mata untuk berjumpa dengan KA. Dia telah merancang satu taktik mengajak Hijrah berjumpa dengannya di Ulu Yam bersama-sama KA yang kononnya sebagai peneman supaya lebih terjaga perlakuan masing-masing. Namun, niat jahat Tsabit untuk bertemu KA pada permulaannya gagal. Hijrah tidak membawa KA bersama-sama sebagai peneman seperti dalam petikan tersebut:

“Hijrah, datang seorang saja?”

“Lebih seronok berdua-duaan saja.”

“Bahaya, tau! Sepatutnya awak ajaklah Asrar untuk temankan,” Tsabit seakan-akan marah.

“Tak payah. Saya percayakan awak. Awak tak kan buat benda tak baik pada saya, kan? Jadi, untuk apa peneman kalau berjumpa dengan orang baik?” Hijrah membalas. Tsabit mengeluh. Rancangannya untuk memperalatkan Hijrah agar boleh dipertemukan dengan Khazinatul Asrar nampaknya tidak berjaya. Puas dia memujuk Hijrah melalui khidmat pesanan ringkas agar berjumpanya bersama Khazinatul Asrar sebagai peneman.

(Fatimah Syarha Mohd Noordin, 2009: 171)

Petikan tersebut jelas menunjukkan keinginan Tsabit untuk berjumpa dengan KA dan berpura-pura pada Hijrah bahawa dengan kehadiran KA dapat mengawasi tingkah laku mereka. Walau bagaimanapun, niat Tsabit untuk berjumpa dengan KA gagal apabila Hijrah bertindak datang seorang diri. Sifat Tsabit yang berniat jahat tidak mendatangkan faedah malah mengecewakan dirinya sendiri. Natijahnya, niat jahat sebagai tentera nafsu amarah telah membuatkan manusia tidak pernah berputus asa dan terus mengajak untuk melakukan kejahatan-kejahatan lain bagi memuaskan hati. Niat jahat Tsabit tidak terhenti begitu sahaja sebaliknya dia telah merencana agenda baru demi berjumpa dengan KA.

Nafsu amarah menjadikan manusia tidak pernah puas dengan maksiat dan terus-menerus terdorong untuk melakukannya bagi memuaskan nafsu syahwat. Manusia akan terdorong untuk melanggar etika dan norma murni masyarakat. Niat jahat dalam *SMB* juga ditonjolkan melalui watak ibu Mukhlisin, jiran Hijrah yang bercita-cita untuk merendahkan-merendahkan keperibadian KA. Ibu Mukhlisin cuba membuktikan KA hanyalah wanita biasa yang mementingkan material semata-mata. Niat jahat ibu Mukhlisin direalisasikan dengan mengarahkan pemandunya, Tojol menggoda KA seperti dalam petikan berikut:

“Tojol, kau Nampak perempuan yang keluar tadi?”

“Ya. Ustazah mana tu?”

“Jangan banyak tanya. Aku nak kau keluar sekarang dan pergi goda dia.” Tojol bangun dari kerusi.

(Fatimah Syarha, 2009: 336)

Ibu Mukhlisin bukan sahaja cuba membuktikan KA tamakkan harta kekayaan mereka malah dia juga sanggup menjatuhkan maruah KA sebagai seorang wanita yang mulia dan terpelihara.

“Bodoh! Arahan aku belum habis lagi. Aku nak kauhantarkan dia balik ke kampus. Kau boleh gunakan BMW aku. Pastikan, kau buat dia jatuh cinta pada kau. Bagi dia segala kemewahan yang dia nak. Lepas kamu dah bercinta, kaubuatlah apa saja pada dia, termasuk rampas maruahnyanya. Aku takkan benarkan anak aku menjadi miliknya. Mukhlisin hanya milik Jessica.”

(Fatimah Syarha, 2009: 336)

Dialog tersebut jelas menggambarkan nafsu amarah yang meluap dalam diri ibu Mukhlisin hingga tergamak mengeluarkan arahan sedemikian. Dorongan nafsu amarah dalam diri ibu Mukhlisin telah mengarah kepada tindakan yang bertentangan dengan norma akhlak individu dan juga masyarakat sehingga sanggup melakukan sesuatu tindakan tanpa memikirkan baik dan buruk. Ibu Mukhlisin bukan sahaja berniat jahat malah terus bertindak supaya beroleh apa sahaja yang dihajati.

Marah

Marah adalah sifat yang tercela dan membinasakan diri. Sifat marah amat dicela apabila berlaku bukan pada tempatnya dan tanpa sebab yang benar. Melalui sikap marah terhasilnya hubungan silaturahim yang renggang dan permusuhan. Sikap suka bermacam muka dan tiada toleransi juga berpunca daripada marah. Marah merupakan keadaan apabila bergelijaknya darah dalam hati untuk menolak gangguan yang dibimbangi berlaku atau kerana mahu membalas dendam terhadap orang yang menimpakan gangguan tersebut. Walau bagaimanapun, marah yang dicela akan memudaratkan diri. Pelbagai tanda marah yang dapat dikenalpasti melalui seseorang iaitu, perubahan pada raut wajah, anggota badan yang menggeletar, urat lehernya menegang. Tanda pada lidahnya pula dapat dilihat apabila percakapan dituturkan dalam keadaan kelam kabut, percakapan yang kurang jelas dan mudah melemparkan kata-kata yang kurang enak termasuk memaki, mengeji dan mengeluarkan kata-kata kesat. Malah, seseorang yang berada dalam keadaan marah juga mampu bertindak di luar dugaan termasuk mencederakan orang lain serta merosakkan harta benda hingga melibatkan kerugian.

Walaupun bagaimanapun, tidak semua sifat marah itu dicela kerana marah adalah fitrah manusia. Sifat marah yang terpuji dan mulia didasarkan oleh marahnya seseorang kerana Allah S.W.T. yang datang daripada rasa ingin membela agama, marah dalam mencegah kemungkaran dan kebatilan serta perkara-perkara yang haram.

Pelbagai impak yang terhasil kesan daripada sikap marah yang tercela termasuklah melahirkan perasaan hasad dengki dan memupuk niat jahat dalam diri. Sikap dan kelakuan seumpama demikian hanya akan merosakkan hati manusia kerana membangkitkan perbalahan. Kesannya akan melarat bukan sahaja dalam kehidupan sendiri seterusnya menyebabkan kacau-bilau dalam masyarakat. Tentera bagi nafsu amarah telah digambarkan dalam watak ibu Mukhlisin apabila kata-katanya dibangkang Mukhlisin. Ibu Mukhlisin menjadi sangat marah hingga mengeluarkan

kata-kata kesat dan berbaur hinaan. Mukhlisin sanggup bertegang urat dengan ibunya bagi menegakkan kebenaran berkenaan KA, seorang gadis mulia yang ingin dikahwininya. Mukhlisin tidak rela mengahwini Jessica semata-mata memenuhi tuntutan ibunya yang mementingkan harta kekayaan semata-mata sebagai ukuran sebuah perkahwinan. Sifat marah ibu Mukhlisin berpunca daripada hati yang sangat tamak akan harta dan rakus terhadap kemegahan manakala Mukhlisin pula berang dengan kata-kata ibunya yang sangat berlawanan dengan diri KA.

“Ubat pengasih apa yang perempuan tu bagi samapai kau tergilagilakan sangat pada dia? Dasar perempuan gatal, miang, tak malu. Dia sudah bercermin mukakah sebelum terhegeh-hegeh pada kau? Sin, kau bakal doktor. Sudah tentu perempuan itu hanya nak mengikis kesenangan kau nanti,” mama melemparkan tohmahan. Hati Mukhlisin terhisir mendengarnya.

“Mama dia gadis mulia, lebih mulia daripada mama,” Mukhlisin menghamburkan kata-kata pedas, terbit dari hatinya yang tergores. Dia hilang sabar apabila gadis pujaannya difitnah membuta tuli.

“Melampau kau, Sin. Anak derhaka!”

(Fatimah Syarha, 2009: 328)

Kemarahan yang berkobar-kobar bukan semata-mata berpunca daripada hati yang rakus akan kemegahan tetapi sikap suka bergurau-senda, mengejek, memalukan orang, suka bermusuhan, membangga diri dan sikap suka memungkir janji juga adalah faktor. Marah yang datang daripada syaitan boleh diredakan dan dikendalikan dengan baik. Nabi S.A.W., pernah bersabda:

“Bahawa marah itu daripada syaitan, dan syaitan itu dijadikan daripada api. Dan hanya sanya padam api itu dengan air. Maka apabila marah seseorang daripada kamu, maka hendaklah ia mengambil air sembahyang”,

(Riwayat Ibnu ‘Asakir, Ibnu Najjar dan Abu Na’im berasal dari Mu’awiyah)

Nabi S.A.W. telah mengajar umatnya supaya berwuduk apabila berada dalam keadaan marah kerana marah itu adalah nyalaan daripada api neraka dan syaitan pula adalah makhluk diciptakan Allah S.W.T. daripada api. Syaitan sangat licik dan berkuasa ke atas manusia apabila marah. Sifat marah yang terhasil dalam diri telah membantu syaitan menguasai manusia seperti anak-anak kecil membalik-balikkan bola (Ihya’ Ulumiddin, 2013: 149). Cara mengendalikan marah yang lain juga pernah diajar oleh Nabi S.A.W., iaitu :

“Apabila seseorang daripada kamu marah, dan ketika itu dia berdiri, maka hendaklah dia duduk. Kerana hal itu akan menghilangkan marahnya. Dan kalau tidak, maka hendaklah dia berbaring”.

(Riwayat Muslim)

Tentera nafsu terendah ini perlu dikendalikan supaya manusia dapat membentuk akhlak yang lebih murni serta dapat meningkatkan diri ke peringkat nafsu yang lebih baik.

Watak Hijriah juga mempamerkan sifat marah apabila KA menegurnya mengenai cinta. Hijriah seorang yang berjiwa sensitif tidak dapat menerima teguran KA bahawa cinta yang sebenar hanyalah terjadi setelah nikah. Walau bagaimanapun, Hijriah salah faham dan bertindak menuduh KA mahu merampas lelaki yang dicintainya, Tsabit.

“Memang, memang saya tak faham dan tak mahu faham. Kehadiran awak

sebenarnya untuk merampas sesiapa saja yang ingin saya cintai. Kau ni perampas! Pencuri! Jangan cuba rampas Tsabit daripada saya,” Hijriah bingkas bangun dari kerusi. Buku nota berwarna biru itu dihempas kasar ke meja seolah-olah suatu luahan kemarahan.

(Fatimah Syarha, 2009: 55)

Nafsu amarah dalam diri Hijriah telah dipamerkan melalui tentera marah apabila berani bertindak kasar terhadap rakan sebiliknya, KA tanpa mempedulikan perasaan KA. Sifat marah menguasai diri hingga merosakkan persahabatan yang dibina menggunakan lisan dan tindakan yang kasar. Sifat sedemikian sangat dilarang dalam Islam berikutan boleh mencetuskan perbalahan yang lebih besar serta permusuhan yang berpanjangan. Manusia perlulah bijak dalam mengawal kemarahan kerana kemarahan dapat merosakkan iman seseorang seperti buah pahit merosakkan madu.

Dendam

Nafsu amarah tidak hanya terhenti dengan mempamerkan sifat marah yang berkobar-kobar semata-mata. Sifat marah yang tercetus mampu membuahkan dendam kesumat dalam hati manusia akibat keinginan (perasaan) untuk membalas kejahatan kerana kebencian yang mendalam. Dendam telah menumbuhkan beberapa perkara lain, iaitu dengki, memutuskan silaturahim, mengumpat, berpaling muka dan menghina menyakiti dan mengejek orang yang didendami.

Dalam SMB, watak Tsabit jelas mempamerkan dirinya sebagai seorang yang pendendam. Sifat dendam yang bersarang dalam hati Tsabit adalah impak penolakan KA terhadap cintanya. Tsabit tidak dapat mengawal dirinya setelah mengetahui status KA sebagai tunangan orang.

“Saya nak bunuh dia, bukan mama,” protes Tsabit.

“Mama kamupun seorang wanita seperti dia,” Dato’ El-Mubarokie cuba menyedarkan anaknya dengan cara yang berhikmah. Senapang patah yang tersandar sib ahu dibetulkan kedudukannya dalam keadaan bersedia menembak mangsa.

“Saya ingin membunuh apa yang saya buru, saya tak membunuh mama!” ungkap Tsabit.

(Fatimah Syarha, 2009: 413)

Petikan tersebut telah jelas menunjukkan Tsabit hilang pertimbangan dan tidak dapat berfikir dengan waras hingga telah berniat untuk membalas penolakan cinta KA dengan melakukan pembunuhan. Tsabit sanggup berniat membunuh KA kerana hatinya telah diselaputi tentera nafsu amarah, iaitu sifat marah yang berkobar-kobar. Marah yang keterlaluan telah menyebabkan sifat dendam dalam diri Tsabit membunga. Walau bagaimanapun, Tsabit mula berfikiran waras dan membatalkan niat membunuh KA apabila telah disedarkan oleh bapanya.

Hati pendendam selalunya tidak akan tenang dan tenteram selagi belum bertindak membalas terhadap orang yang didendami. Namun, Islam telah mengajar supaya sentiasa memaafkan orang lain serta berlapang dada dengan setiap kejadian yang berlaku sebagaimana dalam surah al-Nur, ayat 22 yang bermaksud:

“Dan hendaklah mereka memaafkan serta melupakan kesalahan orang-orang itu, tidakkah kamu suka supaya Allah mengampunkan dosa kamu? Dan ingatlah Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

Hasad Dengki

Tentera yang menguatkan nafsu amarah dalam diri manusia selain sifat marah, berniat jahat dan dendam adalah sifat hasad dengki. Nabi S.A.W. bersabda: “Hasad dengki itu memakan amal kebajikan sebagaimana api memakan kayu.” (Hadis Riwayat Abu Daud) Hadis tersebut jelas menunjukkan betapa ruginya manusia yang memiliki sifat hasad dengki dalam diri. Setiap amalan terhapus akibat suburnya sifat hasad dengki. Sifat hasad dengki yang subur dalam diri manusia berpunca daripada sikap tidak senang hati atas kesenangan orang lain (Drs. Hj. Hanafi Mohamed dan Hjh Siti Zaimah Ab. Rahman, 2012: 206). Manusia yang memiliki sifat hasad dengki selalu tidak tenang dan menderita jiwanya. Mereka bukan sahaja tidak senang dengan kelebihan orang lain malah mengimpikan supaya kelebihan yang dimiliki orang lain hilang serta menginginkan supaya kelebihan itu berpindah pada dirinya.

“Masya-Allah. Asyraf anakku, Khazinatul Asrar dah jadi milik orang. Tak guna menaruh harapan, sia-sia,” Pak Cik Abdul Rahim cuba mengembalikannya kea lam nyata.

“Pak cik, tiada yang mustahil dengan kuasa Allah. Setiap malam saya berdoa agar Allah cepat-cepat menarik nyawa suaminya kerana itulah saya tetap menaruh harapan,” antara sedar ataupun tidak, Asyraf bercakap bagaikan hilang rasional.

(Fatimah Syarha, 2009: 506)

Asyraf sebagai watak sampingan dalam *SMB* terlalu cintakan KA hingga sanggup mendoakan kematian suami KA. Petikan tersebut telah menggambarkan betapa harapan Asyraf menggunung tinggi untuk menjadikan KA sebagai isterinya yang sah. Sikap yang dipamerkan Asyraf merupakan sifat tentera nafsu amarah, hasad dengki yang tidak senang dengan perkahwinan dan kebahagiaan KA bersama suaminya. Asyraf tidak dapat menerima kenyataan dan berharap untuk mengahwini KA setelah kematian suaminya. Ciri-ciri hasad dengki dalam diri Asyraf sangat ketara apabila sanggup mendoakan keburukan berlaku atas diri orang lain semata-mata mahukan kebahagiaan bersama-sama KA berpindah pada dirinya pula.

Watak Asyraf dalam *SMB* mempamerkan rasa berlumba-lumba dalam diri untuk mendapatkan KA. Asyraf sangat tidak menyenagai kebahagiaan KA dengan lelaki lain walaupun suami KA memiliki keperibadian yang mulia.

Menurut al-Ghazali, dengki adalah cabang dendam yang berpunca daripada sifat marah. Sifat dengki berpunca daripada beberapa sebab, antaranya permusuhan dan kemarahan, orang lain memiliki kelebihan berbanding dirinya, sombong dan juga takjub.

Dalam watak Asyraf jelas diperlihatkan punca sifat kedengkian tercetus, iaitu melalui kemarahan. Asyraf begitu marah dengan keluarga KA yang tidak memilihnya sebagai suami KA walaupun silaturahim yang terjalin antara kedua-dua buah keluarga telah lama dibina dan sangat akrab.

Sifat dengki nyata menunjukkan keperibadian yang tercela kerana dapat meruntuhkan institusi silaturahim yang terbina dan menyebabkan hubungan menjadi renggang. Bahkan pedengki juga tidak dapat hidup dengan tenang serta berlapang dada. Kehidupan yang tidak tenang bukanlah dambaan mukmin berikutan kereasaan yang timbul selagi segala nikmat tidak berpindah

padanya.

KESIMPULAN

Meskipun zaman moden ini penuh dengan wadah ilmu namun hakikatnya masyarakat masih lagi memiliki nafsu amarah dalam diri. Hal ini berikutan nafsu adalah fitrah yang ada dalam diri manusia. Perkara yang membezakan antara satu sama lain adalah tahap nafsu masing-masing yang didasarkan oleh tahap keimanan. Dengan mengenali tentera-tentera nafsu amarah dalam diri, manusia dapat mengenali diri dengan lebih mendalam. Seterusnya, dapat mengawal serta mengendalikan nafsu amarah dengan lebih mudah.

Manusia yang dekat dengan Allah S.W.T. sentiasa bermujahadah dalam mengawal nafsu masing-masing dan pengendalian nafsu dapat dilaksanakan kerana dapat membezakan tahap-tahap nafsu yang sedang bermaharajalela dalam diri. Secara tidak langsung dapat membentuk keperibadian yang unggul berteraskan Islam. Malah, keperibadian yang mulia menjadi jalan dalam membendung pelbagai masalah sosial dalam masyarakat seperti membunuh, mencuri, penyalahgunaan dadah, perzinaan dan sebagainya. Hidup berteraskan Islam menjadi kunci kepada pembentukan sahsiah dan peribadi.

Novel *SMB* secara tidak langsung telah berjaya mempamerkan beberapa tentera nafsu amarah melalui watak-watak yang ditonjolkan. Fatimah Syarha telah menunjukkan kepada umum bahawa nafsu amarah memang wujud secara berleluasa dalam masyarakat Melayu dan menjadi racun dalam masyarakat jika tidak dikawal dengan pendidikan Islam yang sewajarnya.

BIBLIOGRAFI

- 40 Hadis Imam An-Nawawi. (2013). Batu Caves: Pustaka Al-Ehsan.
- Abdul Salam Yussof. (2010). *Idea-idea Pendidikan Berkesan al-Ghazali & Konfusius*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dr. Mustafa Zahri. (1984). *Kunci Memahami Ilmu Tasawwuf*. Surabaya: Penerbit PT. Bina Ilmu.
- Drs. Hj, Hanafi Mohamed dan Hjh Siti Zaimah Ab. Rahman. (2012). *Nikmatkah Maksiat?* Shah Alam: Grup Buku Karangkrif Sdn. Bhd.
- Fariza Md Sham, Salasiah Hanin Hamjah dan Mohd, Jurairi Sharifudin. (2013). *Personaliti dari Perspektif al-Ghazali*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fatimah Sarmani dan Mohd Tajudin Mingat. (2011). *Teori Kaunseling al-Ghazali*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Fatimah Syarha Mohd Noordin. (2009). *Seindah Mawar Berduri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Imam al-Ghazali. (2013). *Ihya' Ulumiddin*. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Jaafar Salleh. (n.d.). *Tingkatan-tingkatan Nafsu: Kemuliaan Martabat Insan*. Era Ilmu.
- Jurnal Pengajian Melayu*. (2015). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- M. Ali Imran al-Aziz. (2012). *Kenali 7 Peringkat Nafsu*. Selangor: Pustaka Ilmuwan.
- Monograf Kesusasteraan Melayu*. (2015). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Muhammad Hasan al-Basri. (2012). *Biografi Nafsu Manusia*. Batu Caves: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Rifqiyatunnisa dan Nouraini. (2015). *Mengendalikan Hawa Nafsu*. Al-Mihrab Publications.
- Salasiah Hanin Hamjah. (2016). *Pendekatan Kaunseling Spiritual Menurut Al-Ghazali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zahazan Mohamed dan Ahmad Hasan Mohd Nazam. (2013). *300 Hadis Bimbingan: Ke Arah Mencari Redha Allah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.